

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.03.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) pencapaian 1MDB setakat ini untuk memacu Malaysia ke arah 2020 sejak ia ditubuhkan pada 2009; dan
- (b) sama ada Perdana Menteri meluluskan semua keputusan dan transaksi penting yang telah dibuat, dan sama ada 1MDB akan dibubarkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang sebelum tahun 2020.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang dijalankan oleh 1MDB adalah seperti berikut:

Tun Razak Exchange (TRX)

Pembangunan TRX direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan dan dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang 2020. Projek yang dianggarkan mempunyai nilai pembangunan kasar atau *gross development value* (dengan izin) sebanyak RM40 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat

Kerajaan untuk menjadikan TRX sebuah bandar raya global.

Bandar Malaysia

Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi. Projek pembangunan urban bersepadu bersaiz 486 ekar ini bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di arena global bagi menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat antarabangsa. Projek ini bakal memulakan pembinaan sebaik proses pemindahan fasiliti Pangkalan Udara Kuala Lumpur selesai dilaksanakan. Sebahagian dari kawasan projek ini turut diperuntukkan untuk pembangunan Rumah Mampu Milik.

Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB. Melalui anak syarikatnya Edra Energy, 1MDB merupakan salah satu pengeluar tenaga bebas antarabangsa yang terkemuka di Asia Tenggara dengan portfolio 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman atau *desalination* (dengan izin) di lima

buah negara. Edra Energy merupakan pengeluar tenaga bebas kedua terbesar di Malaysia, dan terbesar di Mesir dan Bangladesh, serta mempunyai operasi di Pakistan dan Emiriah Arab Bersatu. Aset-aset tenaga 1MDB ini mempunyai kapasiti penjanaan tenaga bersih sebanyak 5594 MW, iaitu kira-kira 3112MW di Malaysia dan 2482MW di luar Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,,

Isu utama 1MDB pada ialah *mismatch* (dengan izin) antara aliran masuk (*inflow*, dengan izin) daripada operasi perniagaan serta penjualan aset dengan aliran keluar (*outflow*, dengan izin) pembayaran keluar faedah hutang (*debt interest*, dengan izin) dan *principal* (dengan izin). *Mismatch* (dengan izin) ini berlaku disebabkan oleh penangguhan pelan pelaksanaan IPO dan kesukaran penjualan tanah milik 1MDB akibat daripada pelbagai tohmahan, kritikan dan sebagainya yang dilemparkan terhadap 1MDB.

Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik

atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi. Antara pencapaian yang telah dicapai oleh 1MDB setelah Pelan Rasionalisasi dilaksanakan adalah:

- i. Pembayaran semula hutang sebanyak USD975 juta dan *debt for asset swap* (dengan izin) dengan IPIC di mana pelaksanaan kertas terikat (*binding term sheet*, dengan izin) dengan IPIC yang dijangka akan mengurangkan hutang syarikat sehingga RM 16 bilion.

- ii. Lebih RM1 bilion tanah di TRX telah dijual.

- iii. Pada 23 November 2015, 1MDB telah mengumumkan bahawa satu Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) telah dimeterai dengan China General Nuclear Power Corporation (CGN) bagi penjualan 100% pemilikan 1MDB dalam aset-aset jana kuasa Edra Global Energy Bhd (Edra). Berdasarkan Penyata Kewangan Edra bagi tahun berakhir 31 Mac 2015, 1MDB akan menerima wang tunai sebanyak RM9.83 bilion di samping pengambilalihan hutang Edra oleh CGN Group sebanyak RM7.43 bilion.

Melalui penerimaan tunai dan pemindahan hutang tersebut, 1MDB akan menikmati pengurangan hutang sebanyak RM17.26 bilion. Urus niaga ini dijangka akan selesai apabila kesemua *condition precedent to closing* (dengan izin) dipenuhi atau dilepaskan (*waived*, dengan izin).

iv. Pada 31 Disember 2015, satu Perjanjian Jual Beli Saham (*Share Sale and Purchase Agreement*, dengan izin) di antara TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) dan Iskandar Waterfront Holdings Berhad (IWH) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (CREC) telah dimeterai bagi penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) pada nilai RM7.41 bilion yang bersamaan dengan 60% nilai tanah. 1MDB telah menerima 10% deposit atau RM741 juta apabila melaksanakan Perjanjian Jual Beli Saham tersebut.

v. 1MDB sentiasa memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, tiada perancangan untuk membubarkan 1MDB.